

Media Title	: Harian Metro
Headline	: RM89k 'hangus' ditipu sindiket Parcel Scam
Date	: 20 May 2023
Section	: Lokal
Page	: 4



RM89k 'hangus' ditipu sindiket *Parcel Scam*

Muar: Seorang pesara kerugian RM89,300 selepas diperdaya sindiket penipuan kiriman bungkus yang tidak wujud atau *Parcel Scam* selepas tunjukkan surat notis kehadiran ditan datangani individu menyerang polis.

Wanita berusia 68 tahun itu menerima panggilan daripada individu memaklumkan terdapat bungkus atas namanya yang mengandungi kad pengenalan dan kad kredit daripada Pos Laju bulan lalu.

Ketua Polis Daerah Muar Asisten Komisioner Raiz Mukhliz Azman Aziz berkata, panggilan itu kemudian disambung kepada seseorang yang memperkenalkan

diri sebagai anggota polis.

Katanya lagi, 'polis' terbabit menjelaskan mangsa didakwa terbabit dalam kes penyeludupan dadah dan menggelapkan wang.

"Tanpa membuat usul periksa, mangsa terus mempercayainya ditambah pula dengan taktik suspek menunjukkan surat notis.

"Berikutan itu, mangsa segera melakukan empat transaksi memindahkan wang secara berperingkat.

"Mangsa menyedari ditipu lalu membuat laporan polis semalam (kelmarin). Siasatan masih dijalankan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu," katanya ketika dihubungi semalam.